

Lega harga getah naik

Sinar 22/12

KUALA PILAH - Kenaikan harga pasaran getah sejak kebelakangan ini memberi kelegaan kepada golongan penoreh, khususnya yang tinggal di kawasan luar bandar.

Bagaimanapun, kenaikan harga komoditi itu dilihat masih belum tetap memandangkan sering berlaku perubahan harga pada setiap hari, namun begitu keadaan itu tetap disyukuri penoreh berikutan harga masih meningkat.

Pengusaha depoh belian dan pusat pengumpulan getah skrap Kampung Juasseh Kapitan, Yasir Gaddafi Ariffin, 44, berkata, kenaikan harga itu berlaku pada awal Disember dan menunjukkan peningkatan pada 14 Disember lalu.

"Awal Disember ini harga mula menunjukkan peningkatan hampir mencecah RM4 sekilogram, namun pada 14 Disember lalu harga mula melambung menjadi RM4.50 sekilogram.

"Pada 15 Disember, harga naik 10 sen lagi menjadikan RM4.60 sekilogram. Bagaimanapun, pada sebelah petang pada hari yang sama, harga turun kembali menjadi RM4.50 sekilogram.

"Apa yang dilihat, harga



Yasir Gaddafi (tengah) melihat pekerjaanya di depoh belian dan pusat pengumpulan getah skrap Kampung Juasseh Kapitan.

getah masih belum stabil, ada kalanya naik dan ada kalanya turun. Semalam berlaku perubahan harga dua kali.

"Pagi tadi harga RM4.30 sekilogram manakala jam 12 tengah hari turun menjadikan RM4.20 sekilogram," katanya ketika ditemui di kampung Juasseh Kapitan, di sini.

Jelasnya lagi, meskipun harga getah meningkat memberi khabar gembira buat penoreh tetapi bila berlaku musim tengkujuh, ia turut merunsingkan penoreh getah.

"Rata-rata penoreh tidak dapat turun menoreh kerana hujan berlarutan selama dua

hari. Yang ada stok di sini, adalah stok lama. Bila hujan, stok memang kurang," katanya.

Sementara itu, penoreh getah, A Aziz Awang, 53, berkata, berita kenaikan harga getah sememangnya ditunggu kerana sekian lama harga getah berada ditakuk lama.

"Bila naik, saya pun lega. Dapatlah untung juga. Lagi-lagi penggal persekolahan hendak dibuka tidak lama lagi.

"Tetapi bila hujung tahun, musim hujan. Jadi memang tidak dapat menoreh. Namun saya berharap cuaca akan kembali pulih tidak lama lagi," katanya.